

Headline	Pensyarah diperintah bayar ganti rugi		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	31 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Mahkamah & Jenayah	Circulation	60,000
Page No	14	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	118 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 649
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,947



Pensyarah diperintah bayar ganti rugi

KUALA LUMPUR - "Kebebasan bersuara ada hadnya dan tidak seharusnya menyalahgunanya untuk mengaibkan pihak lain," kata Mantan Naib Canselor Universiti Utara Malaysia, Tan Sri Datuk Dr Nordin Kardi.

Beliau mengulas kemenangan berpihak kepadanya berhubung kes saman fitnah difailkan ke atas seorang pensyarah UUM, Hamzah Omar, berikutan sebaran e-mel mencemarkan imej beliau.

"Saya percaya kes ini seharusnya menjadi pengajaran kepada semua terlibat bahawa kemudahan teknologi tidak seharusnya disalah gunakan," katanya di sini, semalam.

Terdahulu, Penolong Pendaftar Mahkamah Tinggi Alor Star, L Umma Devi memerintahkan defendan membayar ganti rugi am dan khas RM500,000 dan kos RM5,000 kepada yang juga Penyandang Kursi Zaba Universiti Pendidikan Sultan Idris (Upsi) kerana memfitnah.

Dalam kes tersebut, defendan menyalahgunakan kemudahan rangkaian emel ka-kitangan UUM dengan



NORDIN

menyebarkan fitnah dan menghina profesion.

Antara fitnahnya bermaksud, menyifatkan Nordin seorang Naib Canselor berniat jahat, berkonspirasi, tidak layak mengetuai institusi pengajian tinggi awam, malah turut menyifatkan pelantikan Nordin adalah kesilapan.

Justeru, plaintif memfailkan writ saman berserta permohonan injunksi bagi menghalang defendan daripada terus memfitnah beliau dan Perintah Penghakiman Ingkar Pembelaan ke atas defendan diperoleh dan Hakim Mahkamah Tinggi Alor Setar, Mohd Azman Husin mengekalkan Perintah Injunksi ke atas defendan.